




# MULA



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM



**KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BUMIPUTERA  
DI PETALING JAYA DAN SUBANG JAYA,  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**ISU DAN MASALAH**

KONTRAKTOR KONTRAKTOR BUMIPUTERA  
DI PETALING JAYA DAN SUBANG JAYA  
DI SELANGOR DARUL EHSAN; ISU DAN MASALAH

Farah bte Moaidin

No. Matrik: 56034

821111

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-Syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Sesi 1991/92

Teristimewa untuk bapa dan mak  
serta adikku Mohd. Nairul yang  
banyak memberi dorongan dan nasihat

RALAT

	Mukasurat	Baris	Salah	Betul
1.	(viii)	14	mengendalikan	mengandaikan
2.	7	2	subkepala	sub-kepala
3.	18	1	dimaksdukan	dimaksudkan
4.	50	1	perhaian	perhatian
5.	58	1	harta yang paling digunakan	harta yang paling <u>banyak</u> digunakan
6.	59	1	memilimi	memiliki
7.	64	13	mempertingka-kan	mempertingkat-kan
8.	70	3	mendapatkan	mendapatkan
9.	74	16	kementerian	kemelesetan
10.	76	2	menyimpan	mendapat
11.	86	19	dikriminasi	diskriminasi
12.	88	22	sekolah-seolah	sekolah-sekolah
13.	89	12	ditermui	ditemui
14.	94	8	kontraktor Bumiputera	kontraktor bukan Bumiputera

PENYAMBUTAN:

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Fauzi Hj. Yaakob, Penyelia Latihan Ilmiah saya di atas bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau bagi menyiapkan Latihan Ilmiah saya.

Selain dari itu, saya juga ingin menyampaikan tanda penghargaan dan terima kasih saya kepada semua kontraktor-kontraktor yang terlibat yang telah memberi kerjasama mereka.

Segala budi baik mereka tetap disanjung tinggi.

Sekian, wassalam.

Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur,  
1991.

KANDUNGANMUKASURAT

Penghargaan	(i)
Kandungan	(ii) - (iv)
Senarai jadual-jadual	(v)
Sinopsis	(vi) - (vii)
Pendahuluan	(viii) - (xv)

BAB 1 KONTRAKTOR BINAAN-KETERANGAN UMUM

1.1 Tanah	1
1.2 Modal	1
1.3 Pekerja	2
1.4 Keusahawanan	2
1.5 Kontraktor Bumiputera	3
1.6 Pembahagian Kelas Kontraktor	5
1.7 Cara-cara Pendaftaran Syarikat Kontraktor Bumiputera	10

BAB 2 LATARBELAKANG PERIBADI KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BINAAN BUMIPUTERA

2.1 Umur	17
2.2 Tempat Asal Responden	18
2.3 Status Perkahwinan	20
2.4 Bilangan Anak	22
2.5 Pelajaran Responden	24
2.6 Pekerjaan Ibubapa Kontraktor-Kontraktor Yang Dikai	29
2.7 Pekerjaan Lama Kontraktor	31

KANDUNGAN

DAFTAR ISI

BAB 3

PENGURUSAN DAN LATARBELAKANG  
PERNIAGAAN SYARIKAT-SYARIKAT

3.1	Profail Syarikat Kontraktor Bumiputera	37
3.2	Jenis Kerja-Kerja	41
3.3	Latarbelakang Perniagaan Syarikat-Syarikat	46
3.4	Projek-Projek Yang Pernah Diuruskan	47
3.5	Daerah Melakukan Kerja	51
3.6	Kerugian Yang Pernah Dialami	54

BAB 4

KEDUDUKAN SOSIO-EKONOMI RESPONDEN

4.1	Pengumpulan Harta	56
4.2	Kejayaan Kontraktor-Kontraktor	60
4.3	Cita-cita Masa Hadapan	63

BAB 5

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KONTRAKTOR  
KONTRAKTOR BUMIPUTERA

5.1	Kewangan	67
5.2	Bahan Binaan	71
5.3	Tenaga Kerja	74
5.4	Mesin, Alat-Alat	78
5.5	Persaingan Dengan Syarikat-Syarikat Besar	78
5.6	Lain-Lain Masalah	79



KANDUNGANMUKASURATBAB 6 CADANGAN-CADANGAN UNTUK MENDATASI  
MASALAH-MASALAH

6.1	Masalah Kewangan	82
6.2	Masalah Mendapatkan Bahan Finan	86
6.3	Masalah Tenaga Kerja	88
6.4	Masalah Mendapatkan Mesin Dan Alat-Alat Peralatan	91
6.5	Persaingan Dengan Syarikat- Syarikat Besar	91
6.6	Sikap Orang-orang Melayu	92
6.7	Lain-lain Masalah	93

BAB 7 KESIMPULAN

96

Bibliografi

Lampiran

SENARAI JADUAL

MUKASURAT

Jadual 1	Akta Fee 1951 Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 (Jadual A)	4
Jadual 2	Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/1987	6
Jadual 3	Jumlah Modal Berbayar Bagi Kelas Dipohon	11
Jadual 4	Akta Fee 1951 Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984	14
Jadual 5	Kontraktor-Kontraktor Mengikut Umur	16
Jadual 6	Pecahan Responden Mengikut Negeri Asal	18
Jadual 7	Bilangan Anak Kontraktor-Kontraktor Yang Dikaji	22
Jadual 8	Latarbelakang Pelajaran Mereka	24
Jadual 9	Pekerjaan Ibubapa Kontraktor- Kontraktor Yang Dikaji	29
Jadual 10	Pekerjaan Dahulu Kontraktor	31
Jadual 11	Analisis Kakitangan Syarikat Kontraktor Yang Dikaji	39
Jadual 12	Pembahagian Kontraktor-Kontraktor Yang Dikaji Mengikut Kelas.	46
Jadual 13	Pengumpulan Harta 20 Kontraktor Di Petaling Jaya Dan Subang Jaya	57
Jadual 14	Cita-cita Masa Hadapan Kontraktor- Kontraktor	63

## SINOPSIS

Bidang pembinaan di negara kita merupakan suatu bidang yang sedang berkembang dengan pesatnya. Oleh itu, pengkaji memilih topik mengenai kontraktor-kontraktor Bumiputera dengan tumpuan diberikan kepada isu-isu dan masalah-masalah yang dihadapi mereka.

Dalam Bab 1, pengkaji cuba menghuraikan mengenai asas-asas yang perlu dimiliki oleh setiap usahawan seperti tanah, modal, pekerja dan usahawan itu sendiri. Kemudian, pengkaji menerangkan mengenai pembahagian kelas kontraktor dan cara-cara pendaftaran syarikat kontraktor Bumiputera.

Dalam Bab 2 pula, pengkaji menghuraikan mengenai latarbelakang peribadi kontraktor-kontraktor tersebut. Ini penting kerana tiap-tiap responden mempunyai latarbelakang yang berbeza dan kita dapat menilai sama ada pelajaran responden atau pekerjaan lama responden mempunyai kesan kepada prestasi perniagaannya pada hari ini.

Dalam Bab 3, pengkaji mengkaji mengenai aspek perniagaan syarikat mereka. Jenis-jenis kerja yang berbeza seperti tender, takukan dan tuntutan rasmi dijelaskan dan projek-projek yang pernah dijayakan serta kerugian-kerugian yang dialami juga dikaji.

Dalam Bab 4 pula, kedudukan socio-ekonomi responden dikaji di mana penguapulan harta setiap kontraktor dinilai. Faktor-faktor kejayaan kontraktor serta cita-cita masa hadapan kontraktor dihuraikan supaya kita dapat melihat sejauh manakah harapan dan cita-cita kontraktor-kontraktor tersebut dalam industri binaan.

Dalam Bab 5, pengkaji menghuraikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor tersebut. Masalah-masalah besar yang dihadapi mereka adalah masalah mengenai bahan binaan, tenaga kerja, mesin dan alat-alat, kewangan dan persaingan dengan syarikat-syarikat besar.

Dalam Bab 6 pula, pengkaji cuba mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah-masalah yang berkenaan. Pengkaji berharap cadangan-cadangan ini dapat membantu sedikit sebanyak kontraktor-kontraktor Bumiputere di negara ini.

Bab 7 merupakan bab terakhir dimana pengkaji cuba menyimpulkan apa yang terkandung di dalam latihan ilmiah ini.

## Pendahuluan

### a. Tujuan Kajian

Tujuan latihan ilmiah ini ialah untuk menganalisa mengenai penyertaan dan pencapaian Bumiputera di dalam bidang industri binaan dan mengenalpasti isu dan masalah-masalah mereka. Pengkaji juga cuba mencadangkan syor-syor bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

### b. Cara Kajian

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian kes dimana pengkaji melihat sesuatu unit sosial itu secara keseluruhannya pada tahap mikro sebagai mewakili masalah pada tahap makro. Dalam erti kata lain, pengkaji memilih sekumpulan kontraktor-kontraktor Bumiputera di Petaling Jaya dan Subang Jaya untuk dikaji secara keseluruhannya dan mengendalikan mewakili bagi seluruh kontraktor-kontraktor di kedua tempat tersebut.

Kaedah penyelidikan atau methodologi yang digunakan adalah melalui kaedah temubual informal, borang soal selidik, pemerhatian ikut serta dan analisa isi kandungan (content analysis). Dalam menjalani kajian, pengkaji lebih menumpukan kepada kaedah kajian benar.

(i)

Temubual Informal

Salah satu kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji bagi menghuraikan masalah kontraktor-kontraktor Bumiputera. Ini merupakan kaedah yang melibatkan komunikasi secara langsung antara pengkaji dengan responden.

Melalui kaedah ini, pengkaji memperolehi berbagai maklumat. Ini kerana pengkaji boleh bercakap secara bebas dan tidak terikat kepada perkara-perkara yang tertentu sahaja. Pengkaji banyak menggunakan soalan-soalan yang tidak berstruktur semasa berbual-bual dengan responden.

Hubungan yang baik dengan responden harus dijalinakan dengan responden supaya pengkaji dapat mengumpul dan mencungkil maklumat dari responden. Hal-hal peribadi kontraktor-kontraktor banyak didapati melalui cara ini.

Pada pendapat pengkaji, pendekatan melalui kaedah temubual informal adalah lebih berkesan daripada temubual formal.

(ii) Borang Soalselidik

Suatu borang soalselidik telah diedarkan kepada responden-responden melalui pos dan secara terus, iaitu pengkaji sendiri memberikan borang tersebut kepada kontraktor-kontraktor. Pengkaji mendapati dapat menyelaraskan soalan-soalan agar tidak tertinggal mana-mana soalan yang dianggap mustahak seperti latarbelakang syarikat mereka.

(iii) Pemerhatian Ikut Serta

Kaedah ini membolehkan pengkaji melihat dan mengalami sendiri segala bentuk dan kegiatan yang dijalankan oleh responden.

Pengkaji telah pergi ke beberapa tapak projek pembinaan di sekitar Petaling Jaya. Pengkaji telah melihat sendiri bagaimana suatu bangunan itu dibina, menemui beberapa buruh kasar dan jurutera-jurutera.

Di antara maklumat-maklumat yang diperolehi adalah mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh buruh-buruh, masalah bahan-bahan binaan dan lain-lain.

Melalui kaedah ini, pengkaji didedahkan kepada industri pembinaan secara langsung dan didapati ia merupakan bidang yang penuh cabaran dan rintangan. Pengkaji amat mengkagumi kesungguhan dan keberanian kontraktor-kontraktor tersebut menceburi bidang binaan yang agak baru bagi kaum Bumiputera.

(iv) Analisa Isi Kandungan (Content analysis)

Analisa isi kandungan merupakan satu teknik pungutan di mana pengkaji akan mengupas dan menganalisa isi kandungan bahan-bahan kajian. Pengkaji menggunakan buku-buku yang didapati di perpustakaan, risalah-risalah, keratan akhbar dan majalah.

Pengkaji mendapati bahawa risalah-risalah dan kertas-kertas kerja seminar yang dianjurkan oleh kerajaan, khasnya Kementerian Perusahaan Utama, adalah sangat berfaedah. Ini kerana pendekatan kajian yang didasarkan kepada "case study approach" mengkehendaki pengesahan kesahihan dan melalui cara ini, pengkaji dapat menilai sama ada data-data yang dikutip adalah benar dan terbaru.



## Masalah Dalam Pengkajian

Penyelidikan ini tidak terlepas daripada menghadapi masalahnya yang tersendiri. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah seperti berikut:

### (i) Kesukaran Mendapatkan Maklumat Dari Responden

Pada peringkat awal temubual responden-responden didapati tidak berminat sangat menjawab soalan-soalan yang menyentuh hal-hal peribadi dan juga mengenai kerugian yang pernah dialami oleh syarikat mereka.

Mereka agak tidak senang apabila pengkaji cuba mencungkil mengenai hal-hal perniagaan mereka kerana khuatir pengkaji akan membocorkan rahsia-rahsia syarikat mereka kepada kontraktor-kontraktor yang lain.

Namun demikian, setelah pengkaji mengesyorkan bahawa pengkaji tidak akan membocorkan rahsia mereka, maka barulah mereka memberi beberapa fakta-fakta dan data-data.

(ii) Kekurangan Pengetahuan Mengenai Kontraktor-Kontraktor Bumiputera

Adalah amat terhadnya buku-buku dan latihan-latihan ilmiah mengenai kontraktor-kontraktor Bumiputera, terutamanya daripada aspek sosiologikal. Pengkaji mendapati buku-buku yang terdapat kebanyakannya adalah bersifat teknikal yang ditulis khusus untuk pelajar-pelajar kejuruteraan dan pembinaan. Ini menyulitkan penyelidikan pengkaji.

Pengkaji terpaksa mencari bahan-bahan bacaan yang dapat menerangkan mengenai bidang ini secara terperinci daripada aspek bukan kejuruteraan (non-engineering aspect).

(iii) Masalah Kerjasama

Terdapat setengah daripada responden yang kurang memberi kerjasama dengan pengkaji. Ada di antara mereka yang menganggap bahawa mereka tidak perlu bersusah-payah dan membazir masa mereka untuk melayan seorang yang tidak dikenali.

Ada juga responden yang tidak menepati temujanji yang telah disediakan terlebih dahulu dan ada juga yang terlewat selama satu setengah jam.

Terdapat juga kontraktor yang tidak dapat bekerjasama dengan pengkaji kerana dia menjalankan perniagaan "Ali-Baba" dan kurang pengetahuan mengenai bidang binaan. Oleh itu, kebanyakan soalan-soalan yang ditanya oleh pengkaji tidak dapat dijawab.

(iv) Bias

Maklumat atau kenyataan palsu juga kadang-kadang diberikan. Misalnya, terdapat kontraktor yang memberi kenyataan palsu mengenai keuntungan syarikat-syarikat kerana takut maklumat ini akan tersebar dan menjejaskan rekod kerja mereka. Pengkaji dapat tahu ini kenyataan palsu kerana pengkaji terlebih dahulu mendapat laporan kewangan tahunan dari rakan kongsi mereka. Maklumat yang palsu boleh mengakibatkan hasil kajian kurang tepat atau bias.

(v) Masalah Peribadi Pengkaji,

Oleh kerana kontraktor-kontraktor yang dikaji semuanya adalah lelaki, maka seorang kawan telah menemani pengkaji. Ini membolehkan pengkaji yang terdiri dari seorang wanita, lebih senang untuk berkomunikasi dan temubual kontraktor-kontraktor tersebut tanpa menyebabkankan salah anggap oleh masyarakat.

UJIAN TUGAS MATA KULIAH

Selain dari itu, masalah kekurangan sumber kewangan dan masa yang terhad juga merupakan masalah yang harus dicari jalan keluar.

(vi) Diskriminasi

Pengkaji juga telah mengalami diskriminasi apabila terdapat dua responden yang mengatakan bahawa kajian bidang binaan adalah tidak sesuai dikaji oleh seorang wanita. Pengkaji berharap pandangan yang sepi ini patut dikikiskan oleh masyarakat kerana ini boleh menjejaskan kemajuan wanita di negara ini.